



PENGELUARAN HILANG UPAYA

TUJUAN

Pengeluaran ini membolehkan ahli mengeluarkan semua simpanan KWSP sekiranya tidak berupaya daripada segi fizikal atau mental, setelah mencapai tahap Pemulihan Perubatan Maksima (MMI) untuk bekerja bagi membantu menyara kehidupan ahli.

KELAYAKAN MEMOHON

- (i) Warganegara Malaysia; **ATAU**
 - (ii) Bukan warganegara Malaysia; **ATAU**
 - (iii) Warganegara Malaysia yang telah membuat pengeluaran di bawah Pengeluaran Meninggalkan Negara sebelum 1 Ogos 1995 dan kemudian memilih untuk mencarum semula dengan KWSP
- Ahli belum mencapai umur 55 tahun pada tarikh permohonan diterima oleh KWSP (warganegara Malaysia berumur 55 tahun atau lebih dinasihatkan memohon Pengeluaran Umur 55 Tahun); **DAN**
 - Ahli masih mempunyai simpanan dalam Akaun KWSP; **DAN**
 - Ahli tidak lagi bekerja semasa permohonan pengeluaran dibuat

SYARAT-SYARAT PENGELUARAN

- Ahli telah disahkan hilang upaya daripada segi fizikal atau mental, setelah mencapai tahap Pemulihan Perubatan Maksima (MMI) untuk bekerja oleh doktor yang merawat ahli **DAN / ATAU** pegawai perubatan di Lembaga Perubatan / Klinik Panel yang dilantik oleh KWSP.
- Permohonan ahli mestilah disokong oleh laporan perubatan yang dibuat tidak lebih enam bulan dari tarikh permohonan diterima.
- Ahli tidak lagi bekerja semasa permohonan dibuat.
- Keperluan Menghadiri Sesi Temuduga
 - Ahli dikehendaki menghadiri sesi temuduga yang akan dikendalikan oleh Pegawai KWSP.

AMAUN YANG LAYAK DIKELUARKAN

Semua simpanan dalam akaun KWSP.

SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

BIL.	DOKUMEN UTAMA
1.	Borang Pengeluaran KWSP 9L (AHL)
2.	Kad Pengenalan Diri (a) MyKad / Kad Pengenalan Tentera / Kad Pengenalan Permastautin Tetap (MyPR) ATAU (b) Kad Pengenalan Polis DAN Surat Pengesahan Majikan menyatakan no. Polis dan no. Kad Pengenalan Diri merujuk kepada orang yang sama (jika tidak memiliki MyKad/ Kad Pengenalan Polis yang tidak tertera no. Kad Pengenalan Diri) ATAU (c) Pasport. Jika bukan warganegara Malaysia Nota : <ul style="list-style-type: none">Salinan kad pengenalan tidak perlu sekiranya ahli adalah pemegang MyKad dan Pengecaman Cap Ibu Jari ahli dengan Pengkalan Data KWSP atau Bacaan MyKad adalah padan.Ahli yang tidak memiliki MyKad dan/atau permohonan melalui pos/ wakil masih perlu mengemukakan salinan dokumen pengenalan diri masing-masing
3.	Pembayaran Secara Pengkreditan Terus Ke Akaun Bank Ahli Buku Bank / Penyata Akaun Simpanan ATAU Penyata Akaun Semasa ATAU Surat Pengesahan Bank Mengenai Butiran Pemegang Akaun ATAU Cetakan Butiran Pemegang Akaun Melalui Laman Web <u>Nota :</u> <ul style="list-style-type: none">Mempunyai akaun di bank panel KWSP yang dilantikAkaun bank mestilah yang masih aktif (Dokumen asal dikecualikan jika ahli dapat memberi maklumat akaun bank dengan betul tanpa merujuk kepada dokumen asal. Ketepatan maklumat penting bagi mengelakkan pengkreditan terus ke akaun ahli gagal)
4.	Permohonan Secara Pos <ul style="list-style-type: none">Borang Permohonan Pendaftaran Ahli dan Pindaan Maklumat (KWSP 3)

BIL.	DOKUMEN SOKONGAN
1.	<p>Laporan Perubatan Asal Dari Institusi Perubatan Pakar / Bukan Pakar (Hospital / Klinik Kerajaan atau Hospital / Klinik Swasta)</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengikut contoh format yang ditetapkan oleh KWSP dan tidak melebihi enam bulan dari tarikh permohonan diterima Lengkap dengan maklumat pesakit dan penyakit yang dihadapi Diturunkan cop nama dan alamat Institusi Perubatan Diturunkan tandatangan, cop nama penuh, jawatan, nombor pendaftaran MPM dan bidang doktor yang merawat ahli <p><u>Nota :</u> Ahli perlu membawa salinan laporan perubatan berserta apa-apa dokumen sokongan lain yang berkaitan seperti X-Ray, Echo, MRI, ECG, EMG, EEG, HPE dan keputusan ujian darah untuk diserahkan kepada Lembaga Perubatan atau Klinik Panel KWSP semasa menjalani pemeriksaan hilang upaya.</p>
2.	<p>Surat Berhenti Kerja Daripada Majikan (jika ada) bagi ahli yang berhenti kerja dalam tempoh setahun dari tarikh permohonan</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyatakan sebab-sebab diberhentikan kerja Bekas anggota perkhidmatan awam wajib untuk mengemukakan surat berhenti kerja
3.	<p>Borang Temuduga</p> <ul style="list-style-type: none"> Ahli dikehendaki menghadiri sesi temuduga yang akan dikendalikan oleh pegawai KWSP dan borang ini akan dilengkapkan oleh pegawai KWSP

NOTA :

KWSP berhak meminta apa-apa dokumen tambahan sekiranya diperlukan dan menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

PERHATIAN DAN MAKLUMAN KEPADA PEMOHON

- Permohonan Pengeluaran Hilang Upaya adalah tertakluk kepada perkara berikut :-**
 - Pengesahan oleh Lembaga Perubatan atau Klinik Panel KWSP dan / atau doktor yang merawat ahli mengenai status ketidakupayaan ahli untuk bekerja.
 - Pemberian Bantuan Hilang Upaya tertakluk kepada syarat semasa yang ditetapkan oleh KWSP.
- Pengesahan Ketidakupayaan Ahli Untuk Bekerja**
 - Sekiranya ahli sedang atau telah mendapat rawatan daripada doktor pakar hospital / klinik kerajaan atau swasta, KWSP akan mendapatkan pengesahan ketidakupayaan ahli untuk bekerja dan apa-apa dokumen berkaitan daripada doktor berkenaan. Ahli akan dirujuk kepada Lembaga Perubatan atau Klinik Panel KWSP untuk mengesahkan tahap ketidakupayaan ahli (jika diperlukan).
 - Sekiranya ahli mengemukakan laporan perubatan daripada doktor hospital / klinik kerajaan atau swasta, ahli akan dirujuk kepada Lembaga Perubatan atau Klinik Panel KWSP untuk mengesahkan tahap ketidakupayaan ahli.
 - Sekiranya laporan perubatan mengesahkan bahawa ahli tidak mampu untuk menguruskan diri dan kewangan ahli, pembayaran akan dibuat kepada mana-mana orang yang layak mengikut pertimbangan KWSP.
 - Sekiranya ahli mengemukakan Laporan Pencen Ilat (PERKESO), ahli akan dirujuk kepada Lembaga Perubatan atau Klinik Panel KWSP bagi pengesahan hilang upaya untuk bekerja.
- Membuat Kenyataan Yang Tidak Betul Atau Tidak Benar Atau Mengemukakan Dokumen Palsu**
Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau kedua-duanya [Seksyen 59, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007].

KAEDAH BAYARAN

(i) Bayaran Dalam Malaysia

- Semua bayaran pengeluaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank ahli dengan syarat :-
 - Ahli mempunyai akaun bank dengan bank panel KWSP yang dilantik; **DAN**
 - Akaun bank ahli masih aktif; **DAN**
 - Nombor pengenalan diri ahli adalah sama dengan rekod bank.
 - Bayaran dibuat dalam matawang Ringgit Malaysia (RM)
- Bagaimanapun, sekiranya bayaran tidak berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank ahli seperti akaun bank tidak aktif atau nombor Kad Pengenalan Diri tidak sepadan, bayaran akan dibuat melalui cek jurubank.

(ii) Bayaran Luar Malaysia

Bayaran adalah melalui Draf Bank Asing. Jenis matawang adalah seperti berikut :-

- Matawang asing mengikut pilihan ahli di dalam borang permohonan dengan syarat matawang tersebut ada disenaraikan oleh KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing; **ATAU**
- Dalam matawang US Dollar sekiranya jenis matawang yang dipohon oleh ahli dalam borang permohonan tiada dalam senarai KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing

Nota :

KWSP akan membuat pengesahan semula dengan ahli sekiranya jenis matawang yang dipilih dalam borang permohonan tiada dalam senarai yang dibenarkan atau sebelum menukar jenis matawang kepada USD Dollar.

(iii) Bayaran Kepada Penjaga

Sekiranya laporan doktor mengesahkan bahawa ahli tidak berupaya untuk menguruskan diri dan kewangan ahli, bayaran akan dibuat kepada mana-mana pihak yang layak selepas sesi lawatan dijalankan oleh pegawai KWSP. Bagi tujuan ini, orang yang layak hendaklah melengkapkan borang KWSP yang telah ditetapkan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Bantuan Hilang Upaya

- Ahli layak mendapat Bantuan Hilang Upaya sebanyak RM5,000.00. Bantuan ini adalah bayaran tambahan kepada simpanan ahli dan merupakan tanda simpati KWSP terhadap ahli. Bantuan ini akan diberikan sekali sahaja.
- Ahli **layak** sekiranya :-
 - (i) Memohon Pengeluaran Hilang Upaya 12 bulan dari tarikh tamat perkhidmatan / hilang pekerjaan.
 - (ii) Tempoh perkhidmatan akhir sekurang-kurangnya 6 bulan berterusan.
 - (iii) Ditamatkan perkhidmatan oleh majikan disebabkan tidak berupaya untuk bekerja, bukan atas sebab sukarela atau tindakan disiplin.

Ahli Bekerja Semula dan Status Penamaan

Sekiranya ahli bekerja semula selepas membuat Pengeluaran Hilang Upaya, ahli wajib mencarum kepada KWSP. Ahli juga perlu membuat penamaan baru ke atas simpanan tersebut memandangkan penamaan sebelumnya dianggap terbatal.

Pelepasan Kawalan Ke Atas Pelaburan

Sekiranya ahli pernah membuat Pengeluaran Pelaburan Ahli dengan mana-mana Institusi Pengurusan Dana (IPD) yang diluluskan sebelum ini, KWSP akan melepaskan kawalan ke atas pelaburan ahli dengan IPD tersebut apabila ahli membuat pengeluaran ini. Tuntutan lanjut adalah di antara ahli dengan pihak IPD.

CARA PERMOHONAN DIHANTAR

Permohonan boleh dihantar di mana-mana cawangan KWSP sama ada melalui serahan di kaunter **ATAU** melalui pos.

SERAHAN DI KAUNTER

- Sila bawa bersama **SEMUA** dokumen asal bagi tujuan pengesahan oleh Pegawai KWSP.
- Bagaimanapun, jika salinan dokumen telah dibuat pengesahan sila pastikan salinan dokumen disahkan oleh pegawai yang dibenarkan oleh KWSP, lengkap dengan tandatangan, nama, jawatan dan cop rasmi pengesah.

SERAHAN MELALUI POS

- Sila pastikan **SEMUA** salinan dokumen telah disahkan pegawai yang dibenarkan oleh KWSP, lengkap dengan tandatangan, nama, jawatan dan cop rasmi pengesah.
- Permohonan melalui pos boleh dialamatkan kepada :-

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Karung Berkunci No. 220
Jalan Sultan
46720 Petaling Jaya
SELANGOR

PERTANYAAN

Jika ahli mempunyai kemusykilan atau memerlukan maklumat lanjut mengenai pengeluaran ini, sila hubungi :-

- Mana-mana cawangan KWSP yang berhampiran
- Pusat Pengurusan Panggilan KWSP. Tel: **03-8922 6000**
- Maklumbalas Pelanggan, <http://enquiry.kwsp.gov.my>

Sila nyatakan nombor KWSP atau nombor Kad Pengenalan ahli dan jenis pengeluaran yang dipohon apabila berurusan dengan KWSP. Ahli juga boleh melayari laman web KWSP di alamat www.kwsp.gov.my bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai jenis pengeluaran KWSP dan panduan umum kepada ahli.

Anda Keutamaan Kami